

Roadshow "Malam UniMAP Bersama Alumni & Industri"

Perjuangan Murni Universiti

Oleh: Sayang Nurshahzileen Ramlan

Bermula 27 Mac sehingga 17 April 2010 lepas, Universiti Malaysia Perlis telah mengadakan roadshow "Malam UniMAP Bersama Alumni & Industri 2010" ke seluruh Negara. Roadshow ini diadakan bagi memberi penerangan terperinci dan pendedahan berkaitan isu akreditasi program akademik di UniMAP. Kumpulan sasaran bagi roadshow ini terdiri daripada semua graduan atau alumni UniMAP dan industri berkaitan.

Sesi roadshow tersebut telah diadakan pada jam 8.00 hingga 11.00 malam di 4 zon lokasi seluruh Negara dengan sambutan positif daripada alumni UniMAP yang telah hadir. Lokasi tersebut adalah Zon Utara - Hotel Vistana Penang, Zon Tengah - Impiana KLCC Hotel & Spa Kuala Lumpur, Zon Selatan - Thistle Hotel, Johor Bahru dan Zon Timur - Primula Parkroyal, Kuala Terengganu.

Turut hadir ke seluruh lokasi roadshow adalah Yang Berbahagia Brigedier Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP yang merasmikan majlis dan mengetuai pasukan Penerangan Status Akreditasi Universiti (PSAU). Selain itu ketua-ketua jabatan UniMAP dan wakil industri turut dijemput khas bagi menyokong usaha murni universiti untuk menyakinkan dan memperjelaskan status sebenar dan langkah-langkah yang telah diambil oleh UniMAP berhubung isu ini. Seramai 432 orang alumni di seluruh zon hadir untuk mendengar pembentangan serta bersoal jawab dengan

pasukan PSAU. UniMAP berharap agar menjadi tanggungjawab mereka pula menghebahkan kedudukan dan fakta sebenar seterusnya memperbaiki imej universiti yang sedikit 'tercalar' bak ketidaktepatan maklumat dalam artikel akhbar Kosmo! pada 15 Mac lepas.

Antara lain pengisian roadshow penerangan dan perjumpaan 'reunion' ini adalah majlis makan malam, sesi soal jawab (Q&A) bersama panel khas, fotografi berkumpulan, temubual alumni berhubung isu semasa, edaran cenderahati alumni, pengumpulan data terkini alumni, pengumpulan testimoni alumni dan pengurusan pendaftaran borang

Lembaga Jurutera Malaysia (Board of Engineers Malaysia, BEM) oleh pihak UniMAP

secara percuma.

UniMAP telah bersetuju

supaya alumninya

didaftarkan sebagai

Jurutera Siswazah

dibawah Lembaga

Jurutera Malaysia (BEM) dalam tempoh

terdekat. Hasil pengumpulan borang

BEM alumni UniMAP dari seluruh Negara setakat ini dianggarkan berjumlah 1,000 set untuk pendaftaran kelompok pertama.

Manakala roadshow di zon borneo iaitu di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah seperti asal yang dijadualkan terpaksa ditangguhkan sementara waktu atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan

lancar dan jayanya dengan kerjasama serta komitmen semua pihak dengan matlamat yang sama.

